

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL  
FATTAH ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT  
AGUNG KESKA KE-27**

**16 JUN 2023 (JUMAAT)**  
**3.00 PETANG**  
**AAUDITORIUM ANGKASA**

---

Bismillahirrahmannirrahin  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Madani,

## (Salutasi oleh Penganjur)

1. Setinggi – tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana kerana dengan izin dan limpah kurniannya kerana pada hari ini kita semua diberikan peluang untuk berkumpul bersama bagi menghadiri Mesyuarat Agung

Kelab Suakan dan Kebanjikan  
ANGKASA (KESKA) KE-27.

2. Setinggi – tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak pihak pengurusan KESKA kerana dapat mengatur mesyuarat dan syabas juga diucapkan juga kepada anggota KESKA yang sudi

melapangkan masa untuk sama – sama kita pada petang ini.

3. Mesyuarat agung ini memberi kita peluang untuk bersama-sama membincangkan perkembangan dan pencapaian kelab ini pada tahun lalu dan menjadi titik penting bagi kita untuk menetapkan

matlamat dan inisiatif bagi tahun – tahun seterusnya.

## **Hadirin hadirat dihormati sekalian**

4. Sebagai sebuah kelab sukan dan kebajikan, salah satu tumpuan yang harus difokuskan adalah pembangunan komuniti. Saya

berharap agar kita dapat menggerakkan lebih banyak projek social dan kebajikan yang akan dapat memberi manfaat kepada ahli dan juga masyarakat setempat.

5. Kesihatan dan kesejahteraan ahli juga perlu dititberatkan oleh KESKA.

Saya amat menggalakkan ahli mengambil bahagian dalam apa juga program kesukanan dan kesihatan yang dianjurkan oleh pihak kelab.

6. Mengikut laporan Kementerian Kesihatan Malaysia, penyakit tidak berjangkit adalah antara 10



penyumbang utama yang menyumbang kepada beban penyakit negara. Ini termasuklah diabetes, pneyakit jantung dan diabetes.

7. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan cara hidup tidak aktif telah menyumbang

kepada 1.9 juta kematian di dunia setiap tahun dan didapati sebanyak 60% penduduk dunia tidak aktif secara fizikal.

8. Justeru, amatlah perlu kita mengamalkan gaya hidup sihat seperti dari segi pemakanan, meningkatkan aktiviti yang dapat

meningkatkan kadar kardiovaskular dan membuat pemeriksaan kesehatan secara berkala.

9. Saya mencadangkan pihak kelab supaya dapat mengadakan bengkel atau seminar secara tahunan berkenaan kesedaran dan gaya hidup sihat bagi memastikan

ahli kekal dalam keadaan kesihatan yang optimum. Pekerja yang sihat pastinya dapat menyumbang output berkesan pada pekerjaan hakiki.

**Hadirin hadirat dihormati sekalian**

10. Sebagai Penaung kepada KESKA, saya berterima kasih atas peranan dan tanggungjawab yang telah dimainkan oleh kelab ini. Terima kasih juga atas kehadiran anda semua ke mesyuarat pada hari ini.

11. Marilah kita semua terus bersatu tenaga dan berusaha secara

kolektif menjayakan aktiviti yang dijalankan oleh kelab ini. Semoga tahun akan datang membawa seribu satu kejayaan untuk kita semua.

12. Dengan lafaz  
Bismillahirrahmanirrahim, saya  
merasmikan Mesyuarat Agung

Kelab Sukan dan Kebajikan  
ANGKASA ke – 27.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.